

## Tamu Gadang UMS, 22-28 Okt

**KOTA KINABALU:** Pelbagai kegiatan dan pertandingan telah disusun sempena acara tahunan Tamu Gadang, yang diadakan bersempena kónvokesyen ke-4 Universiti Malaysia Sabah (UMS), bermula 22 hingga 28 Oktober.

Ini termasuk pertandingan memasak, dengan kerjasama KESUMBA, PPKA dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), pada 24 Oktober.

Menurut satu kenyataan pada Sabtu, acara itu bertujuan memupuk kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemakanan yang seimbang ke arah kehidupan sihat dan sejahtera.

Ia terbuka kepada semua yang berminat, dengan hadiah antara lain seperti peralatan elektrik, hamper, buku masak dan beras, menanti para pemenang.

Keterangan lanjut boleh diperolehi daripada KESUMBA (Nor Azahyati) tel. 088-320000 samb. 1127/1017, atau feks. 088-320223.

Mereka yang berminat untuk mengetengahkan bakat menyanyi mereka dipelawa mengambil bahagian dalam pertandingan terbuka karaoke pada 23 dan 25 Oktober.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Serinor Dalila, tel. 013-3794329.